

SOALAN NO: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT
MERTAJAM]**

TARIKH : 8 JUN 2015

SOALAN :

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik penyakit kencing manis, penyakit jantung dan penyakit darah tinggi mengikut pecahan kaum, gender, negeri bagi setiap tahun dari 2004-2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik bagi penyakit kencing manis, penyakit jantung dan penyakit darah tinggi yang akan dijawab untuk pertanyaan ini berdasarkan rekod kemasukan pesakit di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Jumlah kemasukan merujuk kepada *encounter* pesakit, merangkumi kemasukan dan kedatangan pesakit di hospital buat pertama kali dan juga ulangan. Statistik terkini yang telah dimuktamadkan adalah bagi tahun 2013. Walau bagaimanapun,

hanya statistik mengikut jantina dan negeri sahaja yang dapat disediakan.

Bagi tempoh 2004 hingga 2013, untuk penyakit kencing manis jumlah kemasukan adalah 39,358 pada tahun 2004 dan 25,684 pada tahun 2013. Kemasukan disebabkan penyakit jantung adalah 102,960 pada tahun 2004 dan 97,508 pada tahun 2013. Bagi penyakit darah tinggi, seramai 38,449 kemasukan pada tahun 2004 dan 18,508 pada tahun 2013. Jumlah kemasukan ketiga-tiga penyakit ini bagi tempoh 10 tahun telah menunjukkan penurunan, iaitu 51.9 peratus bagi penyakit darah tinggi, 34.7 peratus untuk penyakit kencing manis dan 5.3 peratus bagi penyakit jantung.

Kemasukan ke hospital bagi penyakit kencing manis dan penyakit darah tinggi di kalangan pesakit wanita lebih ramai berbanding lelaki, iaitu antara 53 hingga 57 peratus daripada jumlah kemasukan bagi kedua-dua penyakit tersebut. Bagi penyakit jantung pula, kemasukan pesakit lelaki melebihi pesakit wanita, iaitu antara 54 hingga 61 peratus daripada jumlah keseluruhan kemasukan penyakit jantung.

Bagi tempoh 2004 hingga 2013, kemasukan ke hospital bagi ketiga-tiga penyakit tersebut paling tinggi dicatatkan oleh negeri Johor. Sebagai contoh, bagi penyakit kencing manis, jumlah kemasukan di hospital-hospital negeri Johor adalah 6,047 pada tahun 2004 dan 3,911 pada tahun 2013. Jumlah ini mewakili lebih kurang 15 peratus daripada jumlah keseluruhan kemasukan penyakit kencing manis di semua hospital KKM bagi tempoh 10 tahun tersebut.

Bagi penyakit jantung dan darah tinggi pula, walaupun terdapat negeri yang mencatatkan kemasukan tertinggi seperti Perak (bagi penyakit jantung pada tahun 2004, dan darah tinggi pada tahun 2004, 2005 dan 2010) dan Selangor (bagi penyakit jantung pada tahun 2010 dan 2011), namun pada kebanyakan tahun sepanjang tempoh 2004 hingga 2013, negeri Johor merekodkan jumlah kemasukan yang paling banyak bagi kedua-dua penyakit tersebut.